

Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang

1. **Sahibus Samahah Prof Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
2. **YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
3. **YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
4. **YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
5. **YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
6. **YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
7. **YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
8. **Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Laksanakan Perubahan, Demi Kejayaan

6 Disember 2024M/ 4 Jamadilakhir 1446H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَصْنَعُ الْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا وَلَا تُخَاطِبُنِي فِي الَّذِينَ ظَلَمُوا إِنَّهُمْ

مُغْرَقُونَ ﴿٣٧﴾ سورة هود

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْمَخْلُوقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ

أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ

الْمُتَّقُونَ.

PARA TETAMU JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan memanfaatkan masa yang ada untuk melakukan segala suruhan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dan meninggalkan larangan-Nya. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia.

Sebelum meneruskan bicara, khatib ingin mengingatkan sidang hadirin sekalian, agar memberi fokus dan mendengar dengan sepenuh hati kandungan khutbah. Pada hari ini, mimbar akan akan membicarakan



khutbah yang bertajuk “**Laksanakan Perubahan, Demi Kejayaan**”

KAUM MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Umat Islam hari ini seharusnya mencontohi perjuangan para sarjana Islam terdahulu. Al Khawarizmi, Jabir Ibnu Hayyan, Al Bintani, Abbas Ibnu Firnas, Al Biruni, Al Jazari dan ramai lagi yang tokoh telah banyak menyumbang kepada perkembangan teknologi dunia. Sumbangan besar mereka merangkumi penguasaan teknologi kejuruteraan, astronomi, matematik, fizik, aeroangkasa dan sebagainya.

Umat pada hari ini, wajib bangkit, meneroka usaha-usaha yang telah dirintis oleh ilmuan Islam terdahulu bagi menghasilkan teknologi terbaru sesuai dengan peredaran zaman.

Walaupun begitu, sehebat mana teknologi serta keupayaan manusia, ia tidak akan sesekali dapat melepasi batasan ilmu Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**, Tuhan Yang Maha Mengetahui. Firman Allah dalam surah al Baqarah, ayat 269:

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٢٦٩﴾

Maksudnya: “*Dia (Allah) memberikan hikmah (kebijaksanaan) atau ilmu yang berguna kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Maka, sesungguhnya yang diberi hikmah itu dia benar-benar telah mendapat kurnia yang banyak. Dan tidak ada yang dapat mengambil pengajaran (daripada firman Allah) kecuali orang yang berakal dan tulus.*”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,



Dengan akal kurniaan Ilahi, manusia berjaya mereka cipta pelbagai peralatan, kenderaan dan membina pelbagai prasarana seperti masjid, lapangan terbang, hospital, lebuh raya, jambatan, pesawat serta pelbagai lagi. Semua ini dicipta, bagi memudahkan manusia menjalani kehidupan di dunia dengan mudah dan selesa.

Ambillah pengajaran, daripada ketaatan Nabi Nuh عَلَيْهِ السَّلَامُ sewaktu menjunjung perintah Allah, dalam pembinaan sebuah bahtera. Berpandukan kepada petunjuk Ilahi, berbekalkan keazaman dan ketekunan, reka bentuk bahtera yang dicipta, telah berupaya memiliki daya tahan untuk mengharungi tsunami besar ketika itu sepertimana yang terkandung dalam ayat 37 Surah Hud yang khatib bacakan pada awal khutbah yang bermaksud:

“Dan binalah bahtera itu dengan penguasaan dan panduan melalui wahyu Kami, dan janganlah kamu berbicara dengan Aku tentang orang yang zalim itu. Sesungguhnya mereka itu ditenggelamkan (dalam ribut dan banjir besar)”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bidang teknikal dan kejuruteraan telah mewujudkan pelbagai profesion teknikal seperti jurutera, arkitek, juruukur bahan, juruukur tanah, ahli geologis, teknologis dan juruteknik yang sudah semestinya berpaksikan kepada kesarjanaan disiplin ilmu masing-masing.

Justeru, dengan tema “Profesion Teknikal Peneraju Kecemerlangan Teknologi”, penganjuran Hari Profesion Teknikal Negara yang disambut pada Sabtu pertama bulan Disember setiap tahun, adalah sebagai satu



landasan terbaik bagi mengiktiraf sumbangan warga profesion teknikal di seluruh negara.

Marilah kita meningkatkan iltizam untuk bersama-sama menjayakan pembangunan negara sebagai pemangkin ke arah merealisasikan cita-cita kesejahteraan rakyat.

Perjuangan kita kini adalah bagi membina sebuah negara yang bermaruah, masyarakat harmoni, seterusnya mengangkat jati diri warganegara Malaysia yang menikmati kemakmuran, kebebasan dan keadilan bersama berorientasikan pembinaan negara yang baik serta dirahmati Allah.

Khutbah pada hari ini juga ingin menzahirkan apresiasi dan penghargaan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) sebagai agensi teknikal di bawah Kementerian Kerja Raya yang telah banyak berjasa kepada negara. Semoga sumbangan dan jasa yang dicurahkan mendapat ganjaran yang tinggi di sisi Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Sabda

Rasulullah *صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ*:

خَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ

Maksudnya: “Orang yang paling dikasihi oleh Allah adalah orang yang paling banyak memberikan manfaat untuk manusia lain.”

(Hadis Riwayat Imam At Tabarani)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,



Mengakhiri khutbah, marilah kita menghayati beberapa kesimpulan sebagai panduan kita bersama:

Pertama: Ilmu sains, teknologi dan kejuruteraan memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Menguasai disiplin pengajian tersebut merupakan fardu kifayah.

Kedua: Umat Islam hendaklah menjauhkan sains dan teknologi daripada segala bentuk kemaksiatan dan pelanggaran terhadap syariat Islam yang boleh mengundang kemurkaan Allah.

Ketiga: Umat Islam hendaklah menanam semangat untuk mempelajari dan menguasai ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam semua aspek kehidupan.

Keempat: Hasilah kehidupan kita di dunia dengan melakukan perkara yang memberi manfaat kepada semua orang termasuk diri sendiri demi menggapai redha Allah.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah dalam surah Ali Imran, ayat 191:

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

Maksudnya: “(Iaitu) orang yang menyebut dan mengingati Allah ketika berdiri, duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (lalu berkata): “Wahai Tuhan kami!



Tidaklah Engkau menciptakan benda-benda ini dengan sia-sia. Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada azab api neraka!”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





Khutbah Kedua

2024M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.



اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبَّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua
Negeri Pulau Pinang dan Toh Puan Dato' Seri Utama Khadijah binti
Mohd Noor.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالرَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha
Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang
istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat
melalui Zakat Pulau Pinang dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf
Pulau Pinang. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf
sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis
Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan
keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.



عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٥٢﴾

